

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA
ENCIK NOORDIN BIN MOHD TAIB
MENGENAI PENGALAMAN BELIAU MENJADI GITARIS**

MUHAMMAD IRFAN AZHA BIN MOHD TAIB

(2020899938)

SHARIFAH KHALEESA BINTI SYED SHAFFRUDDIN

(20208999446)

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

SEMESTER OKTOBER 2021 – FEBRUARI 2022

ISI KANDUNGAN

	ISI KANDUNGAN	M/S
	Abstrak Penghargaan Senarai Abreviasi Senarai Singkatan Rujukan Kata	i-vi
1.0	Biodata Penemubual 1.1 Penemubual Pertama 1.2 Penemubual Kedua	1-2
2.0	Biodata Tokoh 2.1 Biodata Tokoh 2.2 Pengenalan kepada Tokoh	3
3.0	Sejarah Lisan 3.1 Pengenalan 3.2 Objektif Sejarah Lisan 3.3 Kepentingan Sejarah Lisan	4-7
4.0	Kajian Literatur 4.1 Topik 1 4.2 Topik 2	8-10
5.0	Transkrip Temubual bersama Tokoh	11 - 123
6.0	Log Temubual	124-138
7.0	Ralat	139
8.0	Glosari	140-144
9.0	Indeks	142-152
10.0	Bibliografi	153-155
11.0	Lampiran 11.1 Biografi Tokoh 11.2 Surat Perjanjian 11.3 Senarai Soalan 11.4 Diari Penyelidikan 11.5 Gambar	156-168

ABSTRAK

Transkrip ini membincangkan mengenai seorang tokoh dalam industri muzik yang terkenal di tanah Air. Beliau juga salah seorang anggota dalam sebuah kumpulan rock yang terkenal yang pernah memenangi pelbagai anugerah di tanah air dan di peringkat antarabangsa. Tujuan transkrip ini adalah untuk mengungkap pengalaman oleh Encik Noordin Bin Mohd Taib yang merupakan gitaris di dalam kumpulan rock tanah air iaitu kumpulan Search. Oleh kerana perkembangan muzik di era moden ini semakin meningkat, maka muzik-muzik di era 60an sehingga 80an agak kurang diberikan perhatian terhadap generasi-generasi muda terutamanya muzik rock kapak. Dalam pada itu, transkrip ini menggambarkan situasi bagaimana penerimaan muzik rock dalam kalangan masyarakat tempatan dan bagaimana muzik rock mampu menjadi penentu arah alir dari segi fesyen dan gaya hidup masyarakat tempatan. Seterusnya, transkrip ini akan membincangkan tentang kehidupannya sebagai gitaris dalam sebuah kumpulan muzik rock yang terkemuka dan bagaimana beliau menghadapi segala liku-liku kehidupan beliau. Tidak dilupakan, transkrip ini juga ingin berkongsi tentang kenangan-kenangan manis beliau dalam memenangi anugerah, bermain di peringkat antarabangsa dan meletakkan Malaysia di peringkat dunia. Kajian yang dilakukan ini memfokuskan kepada para penyelidik, pelajar serta orang awam. Dengan ini diharapkan, kajian yang dilakukan bersama tokoh industri muzik tanah air ini mampu memberi pencerahan kepada para pembaca terutamanya dalam kalangan generasi muda mengenai industri muzik di era 60an sehingga 80an.

Kata Kunci: muzik, muzik rock, artis, kumpulan rock, rock, industri muzik.

ABSTRACT

This transcript discusses about the background of the figure in music industry that famous in Malaysia. He also is one of the members on famous rock band that have won many awards in national and international stage. The purpose of the article is to reveal the experiences from Encik Noordin Bin Mohd Taib which is the guitarist in national rock band which is called as Search. Because of the growth of music in modern era is increasing, so, music in 60s to 80s were given less exposure by the younger generation especially genre rock music. In a meantime, this transcript picture on how the acceptance of the rock music can become trendsetter in fashion and lifestyle of local communities. Then, this transcript will be discussing about his life as a guitarist in famous rock band and how he faced all the obstacles in his life. Never forget, this transcript will share the figure sweet memories on winning the awards, playing at international stages and put Malaysia at international level. The research that has been done focused on researcher, students and local communities. With this expected that this research that has been done with the figure of national music industry can give enlightenment towards the readers especially in younger generations about the industry music in 60s to 80s.

Keywords: music, rock music, artist, rock band, rock, music industry,

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum W.B.T

Syukur, Alhamdulillah ke hadrat Ilahi kerana dengan kekuasaan-Nya dan dengan limpah kurnia-Nya, kami mampu menyiapkan dan menyempurnakan tugas wawancara bagi subjek IMR604 iaitu Pendokumentasian Sejarah Lisan bersama tokoh yang telah kami pilih pada masa yang diberikan dengan penuh jayanya.

Pertama sekali, kami ingin mengucapkan terima kasih kepada tokoh kami Encik Noordin Bin Mohd Taib atas segala kerjasama yang baik yang diberikan sepanjang sesi temu bual dengan beliau dijalankan. Beliau sudi meluangkan masa bersama kami untuk berkongsi pengalaman, nasihat dan kisah beliau sepanjang penglibatan beliau dalam industri muzik tanah air.

Seterusnya, kami mengucapkan terima kasih kepada pensyarah kami, Puan Siti Noorsiah binti Jamaludin iaitu pensyarah untuk subjek IMR604 iaitu Pendokumentasian Sejarah Lisan. Beliau merupakan seorang pensyarah yang bertanggungjawab untuk memberikan segala tunjuk ajar dan bantuan kepada semua pelajar beliau. Beliau juga telah menyediakan garis panduan kepada kami sebagai bahan rujukan kepada kami untuk melengkapkan tugas transkrip. Dengan adanya pensyarah seperti beliau yang telah memberikan dorongan dan bantuan kepada semua pelajar, kami mampu menyiapkan tugas kami.

Akhir sekali, kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan lain yang telah membantu dan memberikan tunjuk ajar kepada kami secara langsung tidak mengira masa agar kami mampu menyiapkan tugas transkrip ini. Segala tunjuk ajar dan bantuan yang diberikan kepada kami amatlah kami hargai.

Sekian daripada kami, terima kasih.

SENARAI ABREVIASI

SINGKATAN	MAKSUD
IG	INSTAGRAM
KL	KUALA LUMPUR
JDT	JOHOR DARUL TAKZIM
TV	TELEVISYEN
LCE	LOWER CAMBRIDGE EDUCATION
MCE	MALAYSIAN CERTIFICATE OF EDUCATION
RTM	RADIO TELEVISYEN MALAYSIA
JB	JOHOR BAHRU

SENARAI SINGKATAN

MIAMT: MUHAMMAD IRFAN AZHA BIN MOHD TAIB

SKSS: SHARIFAH KHALEESA BINTI SYED SHAFFRUDDIN

NMT: NOORDIN BIN MOHD TAIB

RUJUKAN KATA

AJAQ	AJAR
AMIK	AMBIL
BETUI	BETUL
DAK	TIDAK
DENGAQ	DENGAR
DIORANG	MEREKA
GAK	JUGAK
HANG	AWAK
JENIH	JENIS
KA	KE
KAT	DEKAT
KITORANG	KAMI
KO	KAU
KURENG	KURANG
OQANG	ORANG
TAK	TIDAK
TAKLEH	TIDAK BOLEH
TARUK	LETAK
JUGAK	JUGA
TAKNAK	TIDAK MAHU
SEDAQ	SEDAR

1.0 BIODATA PENEMUBUAL

1.0 BIODATA PENEMUBUAL

1.1 BIODATA PENEMUBUAL 1



Nama	Muhammad Irfan Azha Bin Mohd Taib
Tarikh Lahir	4 Oktober 1999
Tempat Lahir	Alor Setar, Kedah
Alamat	2-13A-08 Zeta DeSkye, Alam Saujana Condominium, Sentul, Kuala Lumpur
Email	Irfan.azhaaz@gmail.com
Program	IM246 – Pengurusan Rekod
Tempat Belajar	UiTM Kampus Segamat, Johor

1.2 BIODATA PENEMUBUAL 2



Nama	Sharifah Khaleesa Binti Syed Shaffruddin
Tarikh Lahir	20 Jun 1999
Tempat Lahir	Alor Setar, Kedah
Alamat	639, MK 11, Kampung Seronok, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang.
Emel	khaleesasso@gmail.com
Program	IM246 – Pengurusan Rekod
Tempat Belajar	UiTM Kampus Segamat, Johor

2.0 BIODATA TOKOH

2.0 BIODATA TOKOH

2.1 BIODATA TOKOH



Nama	Noordin Mohd Taib
Tarikh Lahir	21 Julai 1962
Tempat Lahir	Johor Bahru, Malaysia.
Alamat	Bandar Ainsdale, Seremban.
No. Telefon	013-706 4339
Profesion	Pemuzik
Bidang	Muzik

2.2 PENGENALAN KEPADA TOKOH

Encik Nordin bin Mohd Taib atau juga dikenali sebagai Din Search adalah merupakan pemain gitar irama kumpulan rock legenda Search. Digelar "King of Rythm", beliau bertemu rakan sekelasnya Yazit Ahmad pada tahun 1984, yang juga pemain dram pencarian Kelab Ayam Merah Kuala Lumpur, selepas itu dia menjadi ahli kumpulan itu. Beliau juga merupakan abang kepada Hamzah bin Mohd Taib atau Kid. Hamzah bin Mohd Taib atau Kid ialah pemain gitar utama Search selepas Hillary Ang. Beliau juga merupakan ahli Gersang pada tahun 1986. Encik Nordin dilahirkan dalam keluarga artis. Beliau adalah anak kepada arwah komposer Taib Osman dan anak saudara kepada arwah Raheem Osman.

3.0 SEJARAH LISAN

3.0 SEJARAH LISAN

3.1 PENGENALAN

Sejarah lisan ialah sebuah bidang pengajian dan juga sebuah kaedah yang mengumpulkan, memelihara dan menafsirkan suara dan juga kenangan seseorang, masyarakat dan peserta dalam peristiwa lampau. Sejarah lisan adalah kedua-dua jenis penyelidikan sejarah yang tertua, mendahului perkataan bertulis dan antara salah satu yang paling moden. Ia dimulakan dengan perakam pita pada tahun 1940-an dan sekarang ia menggunakan teknologi digital abad ke-21. (Universiti Malaya). Sejarah lisan juga merupakan satu kaedah atau teknik penyelidikan moden yang bertujuan untuk memelihara segala pengetahuan-pengetahuan sejarah melalui cara penceritaan. Sumber lisan adalah sumber yang wujud melalui percakapan atau pertuturan yang dimulakan oleh seseorang yang terlibat atau yang menyaksikan sesuatu peristiwa yang sudah berlaku. Sumber lisan juga mampu menjadi sumber yang bertulis apabila ianya dirakam selepas menjalani sesi temu bual, wawancara atau soal selidik dan kebiasaannya sumber ini akan menjadi sebuah rujukan bagi ahli sejarawan dalam bidang sejarah lisan (Rozeman, 2004)

Sejarah lisan akan dilakukan untuk merakam segala kenangan seseorang tokoh melalui wawancara, temu bual atau soal selidik. Tokoh-tokoh yang dipilih ini terdiri daripada mereka yang menyumbangkan maklumat yang bersejarah daripada penglibatan dan pengalaman diri mereka sendiri atau mereka mempunyai perhubungan yang rapat dengan watak, masa atau peristiwa yang ingin didokumentasikan. Segala maklumat yang diperolehi daripada sesi wawancara, temu bual atau soal selidik ini akan disalin dan salinan tersebut akan disemak dan ditaip agar maklumat tersebut dapat digunakan sebagai bahan pengajaran dan penyelidikan. (Pusat Kajian Sejarah Lisan, 2007)

Sejarah lisan biasanya merujuk kepada metodologi dan bukannya teori. Namun begitu, sejak beberapa dekad yang lalu, para sejarawan lisan telah membangunkan beberapa teori interpretif tentang memori dan juga subjektiviti, turut disertakan ialah struktur naratif yang menyediakan rangka kerja untuk cerita-cerita lisan yang berkisah tentang masa lampau. Walaupun ianya masih belum wujud dalam konsep teorikal yang jelas, namun pemahaman kita terhadap memori individu dan juga kolektif masih jelas dan juga meningkat. Walau bagaimanapun sejarah lisan

masih lagi dianggap sebagai satu metadologi oleh majoriti ahli sejarah. (Seow Han Lin, 2019).

3.2 OBJEKTIF SEJARAH LISAN

Terdapat beberapa objektif yang telah diletakkan di dalam kajian ini antaranya ialah:

- I. Mengkaji mengapa nilai artis-artis veteran semakin susut dan rendah.
- II. Mengkaji mengapa JKM memberikan bantuan kepada artis veteran.
- III. Mengenalpasti apakah nasib ahli di dalam Yayasan Artis Veteran Malaysia.

3.3 KEPENTINGAN SEJARAH LISAN

Dengan jalannya kajian, diharapkan segala kepentingan dan sumbangan yang terdapat di dalam kajian ini mampu memberikan impak yang positif kepada artis-artis veteran. Tidak dilupakan ianya juga mampu membuka mata-mata pihak yang berkuasa seperti:

I. FINAS

Dengan adanya kajian ini, diharapkan FINAS mampu memberikan peluang kepada artis-artis veteran ini menabur bakti terhadap industri hiburan tanah air selagi mereka mampu dan tidak mengabaikan mereka atau merendahkan nilai mereka selepas kehadiran pelakon-pelakon baru. Selain itu, pihak FINAS juga perlu memantau pihak produser yang menetapkan bayaran yang rendah terhadap artis-artis veteran. Hal ini menyebabkan nilai artis veteran makin merosot dan menurun.

II. Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM)

Diharapkan dengan adanya kajian ini mampu membuka mata-mata semua orang yang bekerja di Jabatan Kebajikan Malaysia tentang kebajikan artis-artis veteran yang tidak mampu mencari rezeki mereka di dalam bidang hiburan

tanah air. Hal ini menyebabkan pihak Jabatan Kebajikan Malaysia perlu memberi bantuan yang sewajarnya terhadap golongan artis veteran kerana mereka sudah tidak mampu untuk menjana pendapatan disebabkan faktor umur dan kesihatan yang menghalang mereka untuk mencari rezeki. Antara artis yang perlu diberikan bantuan ialah Kartina Aziz, Ebby Saiful, A Galak kerana mereka sekarang ini kurang mendapat peluang untuk berlakon kerana faktor kesihatan yang menjadi penghalang untuk mereka.

III. Masyarakat Setempat

Kajian yang dijalankan ini boleh dijadikan sebagai iktibar kepada masyarakat setempat tentang kesusahan yang dihadapi oleh artis-artis veteran untuk meneruskan kehidupan mereka. Mereka perlulah memandang serius terhadap perkara yang dihadapi oleh artis-artis veteran ini kerana ada daripada kalangan artis veteran ini sudah tidak mampu untuk menyumbang tenaga dalam industri hiburan tanah air. Mereka boleh memberikan bantuan dan sokongan moral yang baik kepada artis-artis veteran yang tidak mampu untuk memberikan sumbangan tenaga kepada industri hiburan sekiranya mereka jumpa dengan artis-artis veteran yang melakukan kerja-kerja sambilan seperti menjual makanan, minuman dan sebagainya. Masyarakat juga perlulah menghormati semua artis-artis veteran ini walaupun kehadiran artis-artis baru dalam industri ini menggugat status artis-artis veteran untuk meneruskan kerjaya mereka. Hal ini kerana, artis-artis veteran ini merupakan pencetus atau seseorang yang mencipta revolusi terhadap industri hiburan tanah air pada zaman mereka dan tidak sepatutnya mereka dilupakan oleh masyarakat oleh kerana kehadiran artis-artis baharu.

IV. Artis-artis baharu

Berdasarkan kajian yang dilakukan ini, diharapkan artis-artis baharu menghormati semua artis veteran yang boleh dikatakan sebagai senior kepada artis-artis baharu ini. Mereka perlulah menghormati semua artis veteran tidak mengira usia dan tempat. Dalam pada itu, artis-artis baharu ini perlu mengambil ilmu dan pengetahuan tentang bidang industri hiburan pada artis-artis veteran untuk menambah baik lagi kemahiran kerana artis veteran ini sudah mahir atau boleh dikatakan lebih matang dalam bidang industri hiburan ini. Artis baharu

ini perlu mengikuti artis-artis baru pada masa lalu yang sentiasa menghormati artis veteran. Mereka sanggup berlari untuk bertemu dan memberi salam sebagai tanda hormat mereka ke atas artis yang lebih senior kepada mereka (Harian Metro, 2016)

4.0 KAJIAN LITERATUR

4.0 KAJIAN LITERATUR

4.1 TOPIK 1 : PENGENALAN ROCK DAN ROCK KAPAK SERTA PENERIMAAN MASYARAKAT PADA KETIKA ITU

Rock adalah sebuah genre muzik daripada irama yang bertanda dan amat popular dalam kalangan industri muzik. Rock dilahirkan pada era 1950-an hasil daripada perpaduan pelbagai gaya daripada masyarakat di Amerika Syarikat. Namun begitu asal-usul muzik rock dapat dikesan pada tahun 1940-an dahulu (Tim Grierson, n.d) Konsep asal muzik rock adalah campuran daripada irama blues. Namun irama itu direvolusikan menjadi kepada genre rock untuk kelihatan lebih moden pada ketika itu.

Di Malaysia, genre muzik rock ditukarkan menjadi rock kapak. Rock kapak ialah sebuah genre muzik yang digunakan di Malaysia di era 1980-an. Pada ketika itu rock kapak menjadi sebuah fenomena kepada masyarakat Malaysia dan menjadi ikutan orang ramai terutamanya dalam kalangan remaja pada masa itu. Istilah rock kapak itu merujuk kepada muzik yang dibawakan oleh kumpulan-kumpulan rock yang wujud di Malaysia pada era 1980-an dan istilah ini diberikan kepada kumpulan rock yang menyanyikan lagu yang bergenre rock dalam Bahasa Melayu (Roketkini, 2011). Penerimaan rock kapak di Malaysia kurang diberikan perhatian pada awalnya. Masyarakat di tanah air menganggap bahawa muzik rock kapak ini berpakaian yang selekeh dan tidak kemas. Rock kapak sering digambarkan dengan pemakaian yang koyak, ketat dan berambut Panjang memberikan perhatian yang mendalam dan mendapat perhatian daripada badan kerajaan. Terdapat pelbagai bantahan yang diterima oleh masyarakat terhadap kumpulan-kumpulan rock pada ketika itu menyokong untuk menghadkan penampilan mereka di stesen media yang dikawal oleh kerajaan. Kerajaan pada ketika itu telah mengumumkan bahawa muzik rock perlu digam daripada dimainkan di stesen radio atau televisyen (Farhana Romle, 2021).

Seterusnya, pada zaman kegemilangan rock di Malaysia, masyarakat pada ketika itu amatlah meminati dengan muzik rock dan ramai yang pernah melalui zaman remaja pada ketika itu dengan pendapat di mana muzik rock dapat dilihat di mana-mana sahaja. Dari corong radio hingga ke poster di dalam bilik mahupun kaset dan

juga CD. Seluruh tempat di Malaysia boleh dikatakan ada muzik rock dan memberikan sebuah fenomena yang besar terhadap industri hiburan di tanah air. (Budiman Mohd Zohdi, 2021) Akhir sekali, selepas beberapa halangan dan dugaan yang menimpa mereka, kumpulan rock berjaya menawan hati masyarakat di Malaysia dan seterusnya berjaya membawa muzik rock menjadi fenomena dalam industri muzik tanah air. Mereka juga berjaya merangkul anugerah di dalam program televisyen seperti Anugerah Juara Lagu pada tahun 1989 dan 1991. Dengan anugerah yang dimenangi mereka ini telah meletakkan muzik rock kapak sebagai sebuah fenomena di dalam industri hiburan tanah air dan seterusnya menjadi ikutan orang ramai terutamanya anak-anak muda pada ketika itu. (Ainaa, 2021)

4.2 TOPIK 2 : KEGEMILANGAN ROCK KAPAK

Pada era 1980an dahulu, terdapat suatu fenomena yang melanda di Malaysia. Fenomena ini telah menguasai masyarakat tempatan menggantikan satu lagi fenomena yang pernah melanda di tanah air pada era 1950-an sehingga 1970-an iaitu pop yeh yeh. Muzik rock kapak berjaya mengambil takhta daripada muzik pop yang lebih menguasai persada muzik tanah air pada era itu. Artis-artis pop tanah air ketika itu dibarisi oleh Jamal Abdillah, kumpulan Alleycats, Gingerbread, Sweet September, Goodman Brothers dan ramai lagi. Barisan artis pop inilah yang menguasai persada muzik tanah air sebelum kehadiran muzik rock ketika itu (Miezan, 2013).

Pada akhir era 1970-an, muzik rock berjaya muncul dalam industri hiburan tanah air selepas kumpulan Sweet Charity dan Kingdom in Rock berjaya mengadaptasi muzik serta imej rock dari barat ke dalam budaya tempatan. Kumpulan Sweet Charity pada ketika itu diketuai oleh seorang lagenda rock atau diberi gelaran sebagai pap rock iaitu Encik Ramli Sarip berjaya mendaki puncak kegemilangan dan berjaya mendapatkan pengaruh oleh Led Zeppelin dan Deep Purple. Seterusnya, pada tahun 1980 sehingga 1989, pelbagai kumpulan rock baharu yang muncul seperti cendawan tumbuh lepas hujan apabila Sweet Charity berjaya memberikan pengaruh muzik rock ke arus perdana dan memberikan muzik rock

sebuah tempat di dalam hati masyarakat. Kumpulan seperti Search, Wings, XPDC, Lefthanded dan banyak lagi muncul di Malaysia dan menjadikan muzik rock sebagai fenomena dan trend kepada masyarakat di tanah air. Dengan kemunculan program televisyen seperti Muzik-Muzik telah menjadikan muzik rock sebagai muzik arus perdana dan seterusnya membuka mata masyarakat tentang kehadiran muzik rock. (Aznil Azali, 2019)

Seterusnya, pada zaman kegemilangan rock di Malaysia, masyarakat pada ketika itu amatlah meminati dengan muzik rock dan ramai yang pernah melalui zaman remaja pada ketika itu dengan pendapat di mana muzik rock dapat dilihat di mana-mana sahaja. Dari corong radio hingga ke poster di dalam bilik mahupun kaset dan juga CD. Seluruh tempat di Malaysia boleh dikatakan ada muzik rock dan memberikan sebuah fenomena yang besar terhadap industri hiburan di tanah air. (Budiman Mohd Zohdi, 2021)

5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH

5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH

MIAMT : Bismillahirrahmanirahim. A-Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Berikut adalah temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam industri muzik tanah air. Bersama kami ialah Encik Noordin Bin Mohd Taib yang merupakan gitaris dalam sebuah kumpulan rock yang terkenal pada era lapan puluh [80] an dari kumpulan Search. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 29/10/2021 bersaaan dengan hari Jumaat pada pukul 9 malam bertempat di Ainsdale, Seremban [Malaysia]. Temubual ini dikendalikan oleh saya, mohd Irfan Azha Bin Mohd Taib

NMT : (sambil memetik gitar) sama

MIAMT : dan juga rakan saya (sambil ketawa) Sharifah Khaleesa Binti Syed Shaffruddin, dengan segala hormatnya temubual dimulakan. Soalan pertama __ ini adalah macam soalan orientasi. Ok, boleh tak encik ceritakan tentang latar belakang diri encik?

NMT: (sambil memetik gitar) sebenarnya abang ni dibesarkan oleh keluarga muzik, and [dan] abang start [mula] bermain muzik ketika tu umur __ Sembilan [9] tahun. __ abang belum main gitar lagi. Ketika tu saya main __ *wind instrument* [Alat tiup] clarinet, flute [alat muzik] (mengalihkan rambut) and [dan] bila abang dah (membuat pergerakan tangan) __ meningkat umur kan? So bila I dah __ I dah ke sekolah menengah kan I dah *start* [mula] bercampur dan I *start* [mula] mengenali rock muzik ni, itu yang mengubah I punya minat - - ubah kepada gitar lah. __ disitu lah saya tukar saya punya __ apa instrumen ha saya beralih kepada gitar. Dari situlah (sambil membuat pergerakan tangan) sebab abang dibesarkan daripada keluarga yang bermain muzik *jazz* [genre muzik], bukan rock tau

MIAMT : (mengangguk) oh, muzik jazz..

NMT : (sambil membuat pergerakan tangan) so, [jadi] ketika itu memang.. *the whole family* [kesemua keluarga] abang memang ha *jazz musician* [pemuzik jazz] ah.. ha, so [jadi], masa yang pertama kali tu memang agak susah jugak lah bila I nak tukar instrumen tu __ jadi macam.. saya punya - - tu dia macam tak suka. Dia nak saya main jazz tapi saya dah __ bila saya dah *exposed* [terdedah] dah besar kan.. (gangguan bunyi) I dah bercampur and I dah *start* [mula] kenal rock muzik, masatu rock tengah.. tengah *pick up* [angkat] masatu memang I besar tu dia sekali rock pun tengah naik __ tujuh puluh [70] an, I ingat lagi *late 70s* [lewat 70an] memang.. *heavy metal band* tengah macam cendawan ketika tu kan.. (menggaru leher) so jadi masalah la masa tu __ __ macam (gangguan bunyi) dia cakap ok lah ko nak main rock ko kene belajar sendiri dia cakap. Aku tak boleh ajar ko rock sebab aku (membuat pergerakan tangan) bukan __ ah rock musician [pemuzik rock] an (mengalihkan rambut) __ (gangguan bunyi) __ *start* [mula] abang __ I belajar __ *I'm a self-employed guitarist* [saya seorang pemain gitaris bekerja sendiri] ah.. I takde pergi *formal classes* [kelas formal] ke (membuat bunyi suara) I memang *self-employed*. Ha, kalo orang dulu (membuat pergerakan tangan) zaman – zaman abang takde internet, takde *youtube*, takde ape, so dia punya (membuat pergerakan tangan) - - I kene guna *hearing* [pendengaran] tau.. ha.. *you* [Awak] kene cari betul betul - - sebab berbeza la dengan zaman ni. Zaman ni *you* [Awak] boleh bukak *Youtube* *you* [Awak] boleh tengok depan mata, macam mana diorang main, macam mana.. macam macam lah *you* [Awak] boleh belajar kat situ kan. Dulu takde. *You* [Awak] kene dengar (bunyi angin). Kebetulan masa tu abang (gangguan bunyi) duduk di *Johor Bahru* [Malaysia]. *I was born in* [saya dilahirkan di] *Johor Bahru* [Malaysia] lah. (memegang gitar) *So* [jadi] kita dapat info dari *Singapore* [Singapura]. Ketika tu, *Singapore* semua ade.. (mengangguk) *you* [Awak] nak lagu ape, what kind of, ape, genre muzik semua __ rock __ especially time [waktu] tu memang rock ah, *you* [Awak] nak, lagu lagu ape semua ade. Disitu lah (sambil membuat pergerakan tangan) saya *start* [mula] simpan duit saya beli kaset, masa tu kaset ah __ dengar cara dengan telinga kan.. memang berdarah ah telinga masatu kan. Tape tu asyik putus sambung putus sambung (sambil membuat pergerakan tangan)

MIAMT : (ketawa kecil)

NMT : nak beli kan mahal __ sekolah..

MIAMT : (mengangguk) ha macam (menyentuh hidung) contoh *classmate* [rakan sekelas] (membuat pergerakan tangan sambil memegang kertas) kami macam.. lebih mengenali encik macam.. *Din Search*.. so, ape nama penuh? (memandang tokoh)

NMT : (memetik gitar) nama abang?

MIAMT : (mencelah) nama penuh encik.

NMT : Nama saya Noordin Bin Mohd Taib. (sambil memetik gitar)

MIAMT : (mengangguk) Noordin Bin Mohd Taib.. ok macam.. ok, macam contoh kalau kami search [melayari] internet, kalau setengah *sources* [sumber] macam (gangguan bunyi) __ *Din Search*.. setengah tu __ “*King of The Rhythm*”. Macam mana dapat gelaran (gangguan bunyi) “*King of The Rhythm*”?

NMT : (mengubah posisi gitar) (gangguan bunyi) __ I bukan *lead guitaris* [gitaris utama] (gangguan bunyi) (mengalihkan rambut) sebab mula mula memang __ (mengusap hidung) abang __ gitar ni __ gitar hero tapi bila I dah (sambil membuat pergerakan tangan) I main dengan band tau (gangguan bunyi). Band search ni dia bukan __ dia satu unit tau.. dia – dia band. Kalau basic band ni kalau dulu (gangguan bunyi) (membuat pergerakan tangan) dia mesti ada gitar _ *lead guitarist* [pemain gitar utama], leader gitar lah, *drummer* [pemain dram], penyanyi __ *so* [Jadi] Search ni dia adalah sebuah band [kumpulan]. Dia is a *very basic* [sangat asas] punya band yang pemain *rhythm* [irama], gitaris, ha semua ada peranan masing masing ah. So, mula mula abang memang (menggosok hidung) I memang __ adik saya tu kan, dia kan *lead guitarist* [pemain gitar utama] kan (mengalihkan rambut) tapi bila lama lama kan I cakap *rhythm*

[irama] ni pun penting jugak sebenarnya (memetik gitar) so, *why not I* [apa salahnya saya] (membuat pergerakan tangan) macam arwah bapak saya pernah cakap kan (menggosok hidung) kalau you nak main muzik.. apa benda pun (gangguan bunyi) __ you jangan.. you pilih satu je.. tak kira lah apa benda you buat, you kena pilih satu. Kalau you __ you tak confirm, you macam *fickle minded* [berfikiran berubah-ubah] kan.. sekejap you nak ambik *rhythm* - - sekejap __ contoh la sekejap you nak main *rock*, sekejap you nak main *jazz*, sekejap you nak main..ape.. pop ke (sambil membuat pergerakan tangan) komersial ke apa kan.. you kena pilih. You tak boleh main semua dia cakap.. sebab __ dia cakap dengan saya kan kalau perkataan “one” [satu] tu kan O N E kan, cuba you taruk N dekat depan tu.

MIAMT : none.. (mengangguk)

NMT : (sambil membuat pergerakan tangan) betul tak? Jadi *none* kan? So [Jadi], you tak *master* [kuasai] satu benda pun dia cakap. Sebab kita __ benda ni kita belajar takkan habis punya.. sampai bila bila pun, sampai kiamat pun, takkan habis. So you kena *master* [kuasai] satu. Kalau you tak *master* satu (membuat pergerakan tangan) (gangguan bunyi) you become [awak menjadi] none ah. __ saya pegang la.. I pegang dia punya __ arwah, *my late father* [arwah bapa saya] la.. dia nasihat kan... so[jadi].. so[jadi] I terus.. I.. *decide* [putuskan] I nak main *rhythm* [irama]. (membuat pergerakan tangan) ah I want to be a *rhythm guitarist* [saya nak jadi pemain gitar irama] __ yang *king* [raja] __ *title* [gelaran] tu saya taknak sebenarnya tapi orang yang -

MIAMT : (mencelah) orang yang bagi lah..

NMT : (sambil membuat pergerakan tangan) sebab itu sangat penting kepada saya sebenarnya.. orang *expectation* [jangkaan] __ terlalu tinggi.. kadang saya rasa macam berat saya nak pikul. *Title* [tajuk] ni bukan senang. Ha.. dia macam satu benda yang (membuat pergerakan tangan) (bunyi kertas) berat.. ha.. orang akan *expect*.. orang punya *expectation* [Harapan] tu macam ah nanti you sendiri yang susah.. kan.. memang

you can be uh number one [nombor satu] tapi *you* macam - - *you* nak *maintain* [kekalkan] tu susah.. banyak *pressure* [tekanan].. ha.. sebab - - *I rather be second* [saya rela menjadi kedua] __ *second best* [kedua terbaik] __ *pressure* tu sangat.. *very low* [sangat rendah] ah.. (mengalihkan rambut).

MIAMT : (sambil memegang kertas) haa macam kalau tarikh lahir encik?

NMT : lahir? Ha dua puluh satu [21] Julai (sambil menyentuh muka)

MIAMT : (membuat pergerakan tangan) boleh saya tahu tahun sebab nak masukkan _

—

NMT : enam puluh dua [62]

MIAMT : Sembilan belas enam puluh dua [1962]..

NMT : Sekarang abang dah lima puluh sembilan [59] tahun dah.. *I'm going to sixty* [saya dah nak masuk 60] warga emas dah..

MIAMT & SKSS : (ketawa kecil)

MIAMT : k macam. hobi encik?

NMT : oi.. hobi __

MIAMT : kalau macam free time, masa lapang encik buat apa selalu? (membuat pergerakan tangan)

NMT : (sambil tersenyum) __ saya termenung je

MIAMT : (ketawa kecil) termenung.. kalau macam.. takde fikir pasal muzik ke apa?

NMT : (mengangguk) ada

MIAMT : ada la

NMT : *Music is my life* [muzik adalah hidup saya] tapi.. *towards the end* [menjelang akhir] dia kurang sikit ah __ dia tak macam dulu (sambil menggeleng kepala) *it wont be the same* [tidak akan jadi sama] ah.. kita - - *life* [hidup] ah..

MIAMT : (mengangguk) ok macam.. encik ada tak prinsip - - macam contoh macam setengah - - contoh kami muda, kami nak sesuatu tu kami akan buat __ apa prinsip encik, nakkan sesuatu perkara tu jadi merealisasikan impian (sambil membuat pergerakan tangan)

NMT : *you* kena *sacrifice* [berkorban] lah (menggosok hidung) kena korban banyak benda la __ kena korbankan.. *your* hobi.. apa benda.. *you* kena.. - - ya la *you* kena korban la.. *sacrifice* [korban] la *your time* [masa] , kawan kawan.. *you* kena *limit*[had] ape *you* nak buat sebab (gangguan bunyi) dia cepat (membuat pergerakan tangan) *time running very fast* [masa berjalan sangat cepat] __ nanti *you* rasa tau, *time* tu sangat laju tau. Macam *you* start kete kan (gangguan bunyi) __ makin lama makin laju tau kete bukan makin perlahan

MIAMT : Hm, ni soalan *general* [umum]. Cita-cita encik kalau encik tak jadi penyanyi?

NMT : Saya? (sambil menyentuh muka dan mengalihkan rambut) Saya nak jadi *Spiderman* je ___. (ketawa kecil)

MIAMT & SKSS : (ketawa kecil)

NMT : Takdelah, saya nak - - dulu kalau kita kecil kecil, kalau kita tengok askar, kita nak jadi askar

MIAMT : Betul (mengangguk)

NMT : Kita tengok polis, kita nak jadi polis. Tapi I lebih, tapi I takda pikir __ (gangguan bunyi orang ketiga) takda yang spesifik punya sebab I nampak muzik ja kat depan mata I ___. *Of course* [sudah tentu] lah, __ kadang ada orang nak jadi *pilot* [juruterbang] __ sebab dulu I punya __ memang - - (membuat pergerakan tangan) __ punya pilot. *So* [jadi] bila I campur tu __ tapi dia punya, dia punya __ ke arah, sebab __ memang muzikal *family* [keluarga] tau

MIAMT : (membuat pergerakan tangan) *So* [jadi] memang nak fokus muzik la? Teruskan legasi?

NMT : (mengangguk) ha memang. I tengok, nak main muzik lah.

MIAMT : Ok macam, latar belakang pendidikan? - -

NMT : (sambil memegang gitar) I sekolah atap je

MIAMT : (ketawa kecil) - - sekolah, sekolah rendah. Macam, cerita pasal sekolah rendah dengan sekolah menengah. Cerita sikit macam pengalaman masa sekolah dulu

NMT : (sambil menyentuh muka) sekolah eh? Sekolah I baik sebenarnya. I budak baik tau. - - (gangguan bunyi orang ketiga) kat sekolah I lebih kepada *art* [Seni] tau, I suka melukis (membuat pergerakan tangan) ha I lebih kesitu ke arah tu. Ha. Time-time abang dulu __ LCE tau dulu, *Lower Cambridge Education* - - pastu, *form five* [5] MCE

MIAMT : (sambil merujuk kertas) Boleh kami tahu nama sekolah? Nama sekolah rendah dan menengah

NMT : (sambil memegang gitar) Sekolah rendah *Sekolah Larkin. Larkin* [Johor, Malaysia]

MIAMT : Sekolah menengah?

NMT : *Sekolah Aminuddin Baki* [Johor Bahru, Malaysia]

MIAMT : Ok macam, pernah melanjutkan pelajaran - -

NMT : (mencelah) takde (menggeleng kepala) saya malas sekolah __

MIAMT : (ketawa kecil) Oh ok. (menyentuh muka) Ada tak cabaran masa sekolah dulu? Cabaran dan kesusahan

NMT : (sambil menyentuh muka) Ada

MIAMT : (membuat pergerakan tangan) Boleh encik ceritakan..

NMT : (mengalihkan rambut dan mengubah posisi gitar) Nak kata susah, tak berapa susah la (gangguan bunyi) Saya boleh pergi sekolah, cukup la. Tapi takdalah yang, memang cukup lah. (gangguan bunyi jam digital). __

MIAMT : K - - Saya masuk soalan baru eh? K, idola encik. Idola daripada industri muzik dengan industri luar muzik (sambil membuat pergerakan tangan)

NMT : Abang __ dari luar __ zaman-zaman dulu memang dari luar daripada barat la banyak (sambil bergerak) Saya punya *band favourite* [kumpulan kegemaran] saya dulu *Iron Maiden*. Tu yang mula (gangguan bunyi) saya terpikat nak bermain *rock* tu __ Sebab arwah datuk saya dulu - - dia selalu beli surat khabar __ time [waktu] tu saya darjah enam [6] kot - - tengok - dia ambik saya balik sekolah la. *So* [jadi] dalam kereta tu saya buka surat khabar tu. (sambil membuat pergerakan tangan) Saya tengok surat khabar tu, ada apa ni, gambar *Iron Maiden* tu - - *First British Heavy Metal Band* [kumpulan heavy metal British pertama] *Iron Maiden*. __ Umur dia baru - - remaja la, tujuh belas [17] lapan belas [18] tahun, rambut panjang- - Saya tengok kan, saya terus *freak out* [terkejut] lah. __ Lepas tengok surat khabar tu, bila dah habis saya lupa lah (sambil membuat pergerakan tangan) tapi benda tu dah *stuck* [Sangkut] dekat dalam kepala saya tau, dia dah, ha. Bila saya dah keluar saya dah ada kawan dah ada kebebasan sikit *freedom* [kebebasan] kan, Bila saya jumpa kawan dia tunjuk saya *Iron Maiden*, wah, tu saya *recall* [mengimbas] balik tu. Saya pernah tengok la *band* [kumpulan] ni ha itu saya start terus (membuat pergerakan tangan) Ha itu saya takda patah balik dah. Memang arwah bapak saya pening ah __ memang dia pening.

MIAMT : Kira dia macam bagi pengaruh la dekat encik - -

NMT : Ha (mengangguk) tu la pengaruh __

MIAMT : K --

NMT : Tapi sebab saya daripada *family* [keluarga] muzik ah

MIAMT : (mengangguk) jika tak keberatan boleh tak nak tahu sedikit cerita pasal *family* [keluarga], ibubapa encik, adik beradik

NMT : Oh *family* saya besar. Saya ada sebelas [11] orang adik beradik. Arwah bapa saya pun seorang pemuzik juga. Dia __ dulu __ RTM (gangguan bunyi orang ketiga) __ TV Malaysia. __ adalah seorang direktor, muzikal direktor ketika tu di RTM (gangguan bunyi orang ketiga) di RTM ah __ TV Malaysia kan. Arwah ibu saya memang *full time* [sepenuh masa] ah suri rumah. Ha

MIAMT : -- Kira nama penuh ibubapa encik?

NMT : Nama arwah bapa saya Mohd Taib Bin Osman.

MIAMT : (mengangguk) Mohd Taib Bin Osman

NMT : Arwah mak saya, Azizah Binti Atan

MIAMT : Azizah Binti Atan, ok. -- Pekerjaan diorang tu macam ibu encik suri rumah ayah encik bahagian industri. Ok, -- boleh tak saya tanya Encik dah kahwin atau belum?

NMT : (menunjuk kepada diri sendiri) Abang?

MIAMT : (mengangguk) ha

NMT : Dah. Abang dah dua [2] kali (menunjuk dua jari) (memetik gitar sambil tersenyum)

MIAMT : Ok - - berapa cahaya mata?

NMT : Ada tiga [3] (menunjukkan tiga jari)

MIAMT : Semua dah besar la?

NMT : __ __ dah besar la

MIAMT : - - umur sekarang?

NMT : Abang?

MIAMT : Haah

NMT : Lima puluh sembilan [59]

MIAMT : Eh tak, umur anak abang

NMT : Oh anak, yang sulung tu dua puluh enam [26]. (berfikir) yang nombor dua [2] dua puluh empat [24] (membuat pergerakan tangan) yang - - bongsu tu baru lima [5] tahun

MIAMT : (mengganggu) boleh tak __ (gangguan bunyi orang ketiga) macam yang sulung tu ada lanjutkan pelajaran ke? Sekolah ke?

NMT : Dia belajar *Lim Kok Wing* [Universiti] dulu. Dia ambik muzik jugak. Dia belajar ambik *course* [kursus] muzik.

MIAMT : Sama yang kedua lah?

NMT : Kedua tak. (menggeleng) Kedua dia di *Sunway* [Universiti].

MIAMT : Oh kedua di *Sunway* [Universiti]

NMT : (sambil memetik gitar) Dia ambik __ (gangguan bunyi orang ketiga)

MIAMT : Oh __. *Family* [keluarga] Encik kan daripada (membuat pergerakan tangan) semua yang - - macam terlibat dalam industri muzik . Kira semua adik beradik atau ada yang ambik kerjaya lain, ambik bidang lain?

NMT : Tapi kebanyakannya semua - - *involve* [terlibat] dalam ni ah muzik.

MIAMT : Kira antara penyanyi semua lah?

NMT : (mengangguk) Ha, penyanyi, ada *drummer* [pemain drum] __ ada main *bass*, ada guru vokal.

MIAMT : (bercakap kepada Khaleesa) soalan umum. Ok, kami masuk ke soalan umum

SKSS : (membuat pergerakan tangan) Encik mempunyai banyak jenis gitar kan? Apa beza antara gitar yang selalu main dengan yang lain?

NMT : Gitar ni dia berbeza sebenarnya. Ada banyak karakter. *And* [dan] dia punya - - harga dia pun mahal. Kalau yang, ada yang biasa. Kalau saya, abang, bila u dah jadi professional, *you* kena pakai barang yang *high-end* [mewah]. Itu *costly* [mahal] la. Memang mahal sikit la. Kalau mula for *start* [Mula], *beginners* [Pemula] kan, tak perlu. *You* pakai yang biasa, tapi bila *you* dah serius, *you* dah go [pergi] professional, *you* kena pakai yang, barang-barang yang *high-end*. Ha, tapi harga tu dia sangat *costly* [mahal] lah. Tak sama.

MIAMT : Gitar yang paling mahal abang pernah ada?

NMT : Banyak ah

MIAMT : Harga dia macam, puluh ribu?

NMT : Ha, ada (sambil memegang gitar)

SKSS : Dalam banyak- banyak alat muzik yang pernah main yang mana yang macam paling susah?

NMT : Oh, *blowing* [tiup] ah. *Wind instrument* [alat tiup] la dia panggil. *Clarinet, saxophone* ha tu memang susah ah dia memerlukan stamina yang banyak. Ha

MIAMT : Ha macam Encik dah minat muzik dari kecik, waktu tu umur Encik berapa? Yang *first* [pertama] sekali minat nak main muzik

NMT : Abang?

MIAMT : Haah

NMT : Kami __ start serius lah?

MIAMT : Kira macam dah macam *time* [waktu] tu baru belajar..

SKSS : Baru mula minat

MIAMT : Ha, tahun mula mula minat macam baru –

NMT : Oh, dari kecik

MIAMT : Dari kecik umur?

NMT : Umur saya tujuh [7] lapan [8] tahun la

SKSS : Kan minat muzik kan? Tapi sejak bila yang sedaq yang boleh main gitar. Kebolehan main gitar

NMT : Waktu tu abang sekolah (berfikir) umur sepuluh [10] tahun kot sepuluh [10] sebelas [11] tahun

SKSS : Bila kali pertama main depan orang ramai? Kat sekolah ka?

NMT : Tak (menggeleng) kat sekolah takda. Saya *start* [mula] main waktu tu tujuh belas [17] tahun. Saya dah start [mula] main. Saya masuk *Battle of The Band* [Pertempuran Band]

MIAMT : Pernah tak *join* [masuk] macam *gig* ke?

NMT : Ketika tu takda *gig*. Zaman zaman tu belum lagi macam sekarang kan?

MIAMT : Ha (bersetuju)

NMT : Takda *gig*. *Time* [waktu] tu kebanyakan orang kahwin ah. Sebab tu dulu dulu diorang panggil *band* [kumpulan] orang kahwin. __ dapat main dekat orang kahwin tu kira okay lah. Paling *best* [seronok] lah.

MIAMT : *Time* [waktu] tu bayaran dia kira agak - -

NMT : (menggeleng) Kitorang ketika tu kita tak kisah pasal bayaran. Janji you dapat main. Kadang kadang tak dapat duit pun takpa

SKSS : Boleh tak Encik cerita muzik *rock* dulu dengan muzik rock sekarang. Perbezaan dia

NMT : (memetik gitar) Sekarang teknologi ah, dulu tak. Sebab dulu lebih kepada analog sekarang dah digital. And [dan] teknologi pun dah berubah kan? Sekarang pakai *handset* [telefon bimbit] pun dah boleh buat lagu. Teknologi tu dia berbeza. Dari segi bunyi, teknikal semua dah lain. Tak sama. Dari segi gajet gajetnya. *Effect* [kesan] gajetnya. Sekarang dah takda __

MIAMT & SKSS : (mengangguk)

MIAMT : K, macam, boleh tak kitorang nak tahu macam fesyen zaman 80an, *rock* zaman 80an __ (gangguan orang bersembang)

NMT : Kalau __ dulu dia panggil *hippies* [Hippie] . Zaman zaman *hippies* [Hippie] dia panggil. *Flower Power* , 70s [70an] ah. Secondary __ . Zaman zaman tu ah. *Woodstock* [Festival muzik] punya zaman (memetik gitar). Sekarang __ dah, dah kurang.

SKSS : Kan, ah, macam mana, karakter - - karakter ahli kumpulan *rock* pada tahun 80an tu macam mana eh?

MIAMT : (mencelah) Bukan dalam kumpulan Search ja. Kira macam __ -

NMT : Oh, zaman __ *attitude* [Sikap]. You [Awak] nak jadi rockers you [Awak] kena ada *attitude* [Sikap] Ha __ macam tu la (gangguan orang bersembang) Zaman dulu. Bukan main yang saja (membuat pergerakan tangan) *you* [Awak] kena ada *attitude* [Sikap]

MIAMT : (mengangguk) K, macam –

SKSS : Kita macam sekarang (gangguan bunyi) __ zaman zaman dulu punya mesti ada bahasa *rock* en. Macam dulu - - oqang dulu kalau cakap dengan *eachother* [Masing-masing] - -

NMT : Dulu “gua” “lu” ah.

MIAMT & SKSS : Ha (bersetuju)

NMT : Sekarang “beb”. Bro bro bro (senyum sambil bermain gitar)

MIAMT : Kan ah muzik rock *time* [Waktu] 80an tengah naik. Macam mana oqang nak, setengah oqang yang takleh terima tu dengan penerimaan oqang yang dah boleh terima. Macam ade tak kalau oqang komen ke

NMT : Mula-mula, (mengalihkan rambut) orang memang pandang serong lah. Tapi tak semua ah. Setengah setengah __ ah, masyarakat en. Tapi kite yang sendiri kena ubah kan lah pandangan orang, perception [Persepsi] orang en. *So* [Jadi] kite muzik __ (gangguan orang berseimbang) yang Barat kan. Tapi lifestyle [Gaya hidup] (membuat pergerakan tangan) *you* [Awak] tak perlu ikut lah. Sebab tu kite *produce* [Hasilkan] lagu, lagu-lagu lirik kitorang lebih kepada nasihat, lebih kepada __. *So* [Jadi] dengan *slowly* [Perlahan] perlahan-lahan dan masyarakat boleh terime.

MIAMT : *Time* [Waktu] tu ade tak macam - - takyah nak ikut Barat sangat, macam, buat identiti sendiri, *rock Malaysia*. Ade tak oqang cakap macam tu?

NMT : Lagu ah. Imej *you* [Awak] tak boleh tukar. Kalau *you* [Awak] tukar mane dia jadi rock. Ha rock punya imej tu *grow* [membesar] ah. Cuma *you* boleh ubah - - lirik, melodi lagu - - *especially* [Terutamanya] lirik ah. Lagu Barat kan dia lebih kepada, banyak lah benda-benda yang negatif kan, kita ubah ah. Ha. Tapi budaya die kite jangan ikut.

SKSS : Masa 80s [80an] dulu macam *rock* baru (membuat pergerakan tangan) _ _ kemuncak - -

NMT : *Time* [Waktu] tu memang, die, ah, (gangguan bunyi) _ _ rock memang oqang tak boleh *control* [Kawal] ah

SKSS : *Competition* [Persaingan] pun memang banyak eh?

NMT : Ketika tu –

SKSS : *between bands* [Antara kumpulan]

NMT : Ha, banyak.. banyak.

MIAMT : - -

SKSS : Macam *some of the bands* [Diantara kumpulan] yang *compete* [bersaing] dengan *Search* dulu?

NMT : Takde - - Kita dulu takde sebab - - sebenarnya kalau kat *Malaysia* ni *Search* yang band rock yang pertama dulu sebenarnya. Kitorang ni macam (membuat pergerakan tangan) perintis lah.

MIAMT : Macam *starter* [Pemula] –

NMT : (mengangguk) Ha, *starter* [Pemula] *yes* [ya] (gangguan bunyi) sebab dulu ketika zaman 70an 80an dulu kebanyakan rock band ni semua *mostly* [Kebanyakannya] daripada *Johor* [Malaysia]

MIAMT : - - Kira *time* [Waktu] tu *Johor* [Malaysia] lah –

NMT : *Johor* [Malaysia] yang banyak *produce* [Hasilkan] band band ni, tak kira band rock sahaja, banyak band *pop* nye, *ghazal*, *asli* __ __ semue bende lah semue. Semue genre muzik. Kebanyakan artis-artis, kebanyakan lah semua banyak daripada *Johor* [Malaysia]. Bukan *rock* saje

MIAMT : K, um, macam, sekarang kan dah banyak, artis, kira macam depe keluarkan, artis baru la keluarkan lagu *rock*, macam, ada tak macam, dia bagi, diorang bagi kelebihan ataupun diorang macam *actually* [Sebenarnya] diorang macam merendahkan genre *rock*, pada pendapat (menunjuk kepada tokoh)

NMT : - - Abang tanye *you* [Awak] eh? *You* [Awak] dengar tak lagu rock lama? Pernah dengar kan?

MIAMT : Ade sikit-sikit (mengangguk)

NMT : Yang baru pernah dengar?

MIAMT : Yang baru (berfikir) jarang, tak berapa, tak berapa hafal sangat

NMT : *then* [Kemudian] *you* [Awak] boleh bezakan

MIAMT : __

NMT : __ memang berbeza. Cara *approach* [pendekatan] lain, tak sama, kategori tak sama, *composition* [Gubahan] tak sama (gangguan orang berseimbang) Ade ade yang, kita ikut zaman lah. Mungkin saya - - mungkin cara abang macam nampak *bias* [Berat sebelah]

MIAMT : (mengangguk) Ha

NMT : Ha, tapi saya tak boleh *bias* [Berat sebelah] en, tapi saya kena akur la memang ade yang band yang bagus bagus sekarang ni. Memang memang bagus (mengalihkan rambut)

SKSS : Macam platform dulu, sekaqang macam artis nak *famous* [Terkenal] kena ada jugak ah *Youtube*, *Internet* en. Macam dulu platform apa yang, macam nak *famous* [Terkenal] tu __ susah?

NMT : - - ni ah, *show* [Persembahan] ah

SKSS : (mengangguk) *show* [Persembahan]

MIAMT : *Show* [Persembahan]

NMT : Persembahan ah persembahan, takde ah, dulu kalau zaman dulu ade ekspu, *fair* [Pesta] en orang panggil en. Sekarang ni lain. Dulu. *Social media* [Media social] Internet semua kan, ha, zaman dulu takde. Sekarang ni *you* [Awak] boleh, satu hari *you* [Awak] boleh *famous* [Terkenal]

MIAMT : - - Boleh saya tanya, Encik ingat tak *show* [Persembahan] paling besar Encik pernah buat? Macam bukan *show* [Persembahan] sebelum artis lah

NMT : (berfikir) tak, tak pernah kot. Bila dengan *Search* tu, *yes* [Ya] __ besar

MIAMT : Kira sebelum masuk *Search* tu –

NMT : Takdelah, biasa biasa

MIAMT : Biasa biasa

NMT : Ketika tu (membuat pergerakan tangan) kita baru nak *start* [Mula]. *Malaysia* ketika tu baru nak *start* [Mula]

SKSS : Dulu ade masuk ujibakat ka apa apa?

NMT : Dengan *Search*?

SKSS : (berfikir) sendiri, sebelum masuk *Search*

MIAMT : Haah

SKSS : *Tryout* [Percubaan]

MIAMT : Awal-awal nak jadi artis

NMT : Saya ada masuk __ lah yang saya masuk *Battle of the Band* [Persaingan Antara Kumpulan]

MIAMT : Ingat tak tempat lokasi diorang tu?

NMT : Di, di *Dewan Jubilee Intan Johor Bahru*

MIAMT : Oh *Jubilee Intan Johor Bahru*

NMT : Tahun, tahun tujuh puluh sembilan [79] tak silap saye. Tujuh puluh sembilan [79] lapan puluh[80] gitu

MIAMT : *Time* [Waktu] tu sape yang jadi *host* [Pengacara] dengan juri time tu?

NMT : Juri time tu (berfikir) tak ingat ah

MIAMT : Oh tak ingat

NMT : Orang-orang, orang-orang *Johor* [Malaysia] jugak. Takde yang *famous famous* [Terkenal] lah mase tu. Orang-orang yang kat sekitar, orang lame lah, senior, otai en _ _ senior senior ah.

MIAMT : (mengangguk) Haa ok. Ape perasaan macam *first time* [Pertama Kali] masuk *show* [Persembahan] masuk *Battle of the Band* [Persaingan Antara Kumpulan] tu

NMT : Nak menang ah

SKSS : (ketawa kecil)

MIAMT : Nak menang (senyum) kira nervous apa semue takde eh

NMT : Nervous memang ada. Nervous sampai sekarang pun abang akan nervous gak.
Nervous tu tak boleh hilang

MIAMT : Ape time tu dengan sape?

NMT : Ah waktu tu saya dengan member-member dari *JB* ah

MIAMT : --

NMT : Ade sorang tu, Yem __ dia pernah main dengan *BPR Bumiputra Rockers*, ha, tapi dia dah meninggal lah, dah meninggal dunia

MIAMT : Boleh kami tahu, kalau ingat lagi tak nama nama diorang?

NMT : Nama, main bass tu Yem jugak nama dia, *drummer* ketika tu arwah Man Dayak, drummer *Lefthanded*, masa saya masuk final tu. Penyanyi, abang Roy, Roy penyanyi.. dia *famous* jugak dulu Roy penyanyi –

MIAMT : __

NMT : Ha, *yes* [Ya] abang Roy, ha tu geng abang dulu, ha

MIAMT : *Time* [Waktu] tu nama kumpulan apa?

NMT : *Hurricane*

MIAMT : *Hurricane*, oh ok. Soalan __ ade tak cabaran macam ade orang tak setuju ade orang tak setuju ke nak masuk, ade halangan ke?

NMT : Ade, ha, masa semi final tu, semi final, kitorang dah dapat masuk ke final, drummer saya pulak taknak main takut

MIAMT : Nervous ah

